

CNS9899

U GB 16-10 00206 BH249

bah

MAHATHIR BIDAS BBC

Mahathir - BBC

Dar i pada Kuah Guan Oo

I

HARARE, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Perbadanan Penyiaran Britain (**BBC**) kerana mencadangkan supaya negara-negara anggota Komanwel yang tidak mengamalkan **demokrasi, keluar daripada** pertubuhan itu.

+Ini bukan satu syor yang biasa, + kata Perdana Menteri, kerana menurut beliau, ia bermakna yang Komanwel hari ini 'tidak akan wujud dan pertubuhan itu perlu kembali kepada Komanwel sebelum zaman -sekarang iaitu ketika ia mempunyai hanya lima anggota -- Britain, Kanada, Australia, Afrika Selatan dan New Zealand.

+Saya berpendapat syor BBC itu berbentuk perkauman, tetapi tidak ada orang yang akan terperanjat dengan cadangan BBC itu, + katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan sarapan pagi anjuran Persekutuan Sukan Komanwel. Yang turut hadir pada pertemuan itu ialah Australia dan ketua kerajaan lain yang berminat dengan jurkan Sukan Komanwel 1998.

Datuk Seri Dr Mahathir ditemubual melalui telefon oleh BBC pada malam tadi dan antara lain, BBC mendakwa yang Malaysia tidak mengamalkan demokrasi.

Beliau berkata BBC berpendapat bahawa mereka mempunyai hak untuk menggubal syarat dan peraturan (mengenai demokrasi dan kerajaan yang baik) dan sekiranya negara anggota tidak mematuhi syarat-syarat itu, ia sepatutnya keluar daripada Komanwel. -- Lagi

▼16/10/19-47MST

CNS9915

U GB 16-10 00099 BH251

bah

Mahathir - Sukan 2 (akhir) Kuala Lumpur

Semalam, Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku berkata laporan jawatankuasa itu adalah untuk membolehkan negara membangun menjadi tuan rumahsukan itu.

Menurut beliau, kali pertama dan terakhir sukan itu dianjurkan oleh sebuah negara yang bukan negara maju di kalangan anggota Komanwel ialah pada 1978 di Jamaica.

Chief Anyaoku juga mengumumkan bahawa pengerusi Su'ruhanjaya Pilihanraya, Malaysia, Datuk Harun Din dilantik bersama 12 tokoh yang lain untuk mengawasi pilihan raya pertama di Zambia yang memabitkan pelbagai parti pada 31 Okt ini. -- Bernama

▼16/10/20-15MST

CNS9871

R GE 16-10 00205 EA763

aae tbe

Mahathir-BBC 3 Harare

+Of course, if the Commonwealth reverts to the old dominion. . . if it is the BBC's wish, then how can we object, + he said..

Datuk Seri Dr Mahathir- said he did not think the BBC's views were that of the British government .

+But, while we appreciate that it is not the British government's views, we must also understand that the BBC has a world audience, and when the BBC said that (about Malaysia), it is bound to influence the people's mind against countries like Malaysia, + he added.

He recalled the time when some American writers described Malaysia as a corrupt and totalitarian country+, it had caused a lot of American investors to shy away from Malaysia.

He said Malaysia agreed to accept the British draft in the High Level Appraisal Group meeting Tuesday after they accepted the British explanation of what they meant by good government and human rights.

+The explanation was acceptable to us because they, cited Haiti, for example, as the kind of government they do not consider to be good government, + he added, noting that they did not include Malaysia in that list. - - more

♥16/10/19-03MST

CNS9888

R GE 16-10 00182 EA767

aae tbe

Mahathir-BBC 4 Harare

In fact, he believed that the 10 heads of government in the group had no differences in perception on what was meant by good government, human rights and democracy. -

But, the BBC singled out Malaysia as one of those countries that did not qualify (in its definition) and that Malaysia detained people without trial and so on, he said.

He added: +Although I did point out that it is a British law which we adopted, they seemed to think that it was okay when the British were there and it is not okay when the British were not there.

+I can't understand this double standard, But then, we have to accept the fact that this is the freedom of the press which, to the BBC, seems to mean freedom to twist the news in a way that would blacken other people's names. t

Datuk Seri Dr Mahathir said it would be a futile effort for him to have the draft of the group reworded. , -- more

♥16/10/19-26MST

CNS9924

R GB 16-10 00144 BB221

BAH

Mahathir - BBC 4 Harare

+Walaupun saya tidak menyatakan bahawa undang-undang yang kami gunakan ialah undang-undang British, mereka nampaknya berpendapat bahawa semasa British berada di sana keadaannya +OK+ dan sebaliknya keadaannya tidak +OK+ semasa British tidak berada di sana,+ katanya.

+Saya tidak faham penilaian yang berbeza ini. Tetapi, kita terpaksa menerima hakikat bahawa inilah kebebasan akhbar yang kepada BBC bermakna kebebasan memutarbelitkan berita yang akan memburukkan nama orang lain,+ tambahnya.

Dr Mahathir berkata, usahanya untuk meminda draf kumpulan itu akan menjadi sia-sia sahaja.

+Kami faham apa maksud sebuah kerajaan yang baik. Tetapi saya bimbang bahawa kami tidak akan dibiarkan begitu sahaja... akan terdapat banyak kempen oleh pihak-pihak yang bermuslihat untuk memastikan Komanwel akan membangkitkan perkara seperti ini,+ katanya.

Katanya, Malaysia kekal dalam Komanwel kerana ia mematuhi kepada peraturan-peraturan asas pertubuhan itu. -- Lagi.

♥16/10/20-31MST

CNS9931

R GB 16-10 00195 BB222

BAH

Mahathir - BBC 5 (Akhir) Harare

+Tetapi kami juga percaya bahawa kami ialah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan sebagai sebuah negara yang merdeka, kami berhak untuk memerintah (negara kami) dengan cara yang rakyat kami mahukan, + katanya dan menambah kata jika tidak, mereka tidak akan dipilih dalam satu pilihan raya yang bebas.

Perdana Menteri berkata, temu bualnya dengan BBC itu sebagai berat sebelah dengan beliau ditanya soalan-soalan yang mempunyai maksud tertentu dan seolah-oleh BBC hanya bermaksud untuk menunjukkan kononnya Malaysia ialah sebuah negara yang tidak demokratik dan hendaklah memperbetulkannya.

Katanya, beliau terpaksa mendengar dulu soalan melalui telefon dan kemudian melihat kepada kamera untuk menjawab soalan itu. Orang yang menembualnya, tidak tahu apakah jawapan yang beliau berikan dan beliau terpaksa menjawabnya sekali lagi melalui telefon.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, definisi demokrasi bertukar dengan masa dan adalah penting bahawa mereka perlu khusus mengenainya. Misalannya Britain 50 atau 100 tahun lampau tidak akan layak sebagai sebuah negara demokrasi mengikut definisi sekarang.

+Adalah penting yang kita mendefinisikan peraturan asas demokrasi dan jika sesiapa mengikuti peraturan-peraturan ini maka ia hendaklah dianggap sebagai demokratik,+ katanya, -- Bernama.